

METODOLOGI

Perkataan Metodologi mempunyai arti yang tersendiri iaitu "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".<sup>1</sup> Ianya berasal dari bahasa Yunani iaitu "Methodos" yang bermaksud "cara" dan "Logos" pula bererti "ilmu".<sup>2</sup> Oleh itu Metodologi bererti ilmu tentang cara. Di bidang ilmiah metod adalah merupakan suatu masalah yang amat penting kerana ia adalah merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.<sup>3</sup> Suatu penelitian itu akan mempunyai mutu yang tinggi apabila setiap metod yang digunakan dalam penyelidikan itu tepat dan sesuai dengan objek dan tujuan.

Dalam kajian dan penulisan kertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod yang tertentu. Metod metod ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu

1. Metod Penentuan Subjek
2. Metod Pengumpulan Data
3. Metod Analisa atau Penulisan Data

<sup>1</sup> Imam Barnadib, Arti Dan Method Sejarah Pendidikan, Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, Yogyakarta: 1982, hal. 51.

<sup>2</sup> Koentjaraningrat (Ed), Method-method Penelitian Masyarakat, Penerbit P.T. Gramedia, Jakarta: 1977, hal. 16.

<sup>3</sup> Ibid.

Dalam bab I, penulis telah menjelaskan secara ringkas mengenai metod metod in., tetapi untuk lebih jelas lagi penulis akan menguraikan secara terperinci tentang metod metod tersebut dan penggunaannya dalam kajian ini

#### A. Metod Penentuan Subjek

Sepertimana yang telah disebutkan dalam Bab I bahawa dalam pengkajian ini, penulis telah menggunakan metod sampling di dalam penentuan subjek pengkajian. Subjek yang menjadi sample ialah Masjid Rusila di Terengganu.

Pemilihan Masjid Rusila sebagai subjek pengkajian adalah didasarkan kepada faktor keunikan masjid ini yang mampu menarik perhatian ramai umat Islam dari segenap ceruk rantau untuk bertumpu di masjid, mengikuti kelas pengajian yang diadakan terutamanya pada hari Jumaat.

#### B. Metod Pengumpulan Data

Maksud pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara-cara mengumpulkan data dan juga mentafsirkan data-data tersebut. Dalam usaha penyusunan kertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan data dan fakta yang diperlukan. Data dan fakta itu diperolehi dari beberapa sumber iaitu melalui kajian Perpustakaan dan kajian Lapangan.

Di sini penulis akan mengutarakan metod-metod yang digunakan dalam usaha pengumpulan data, di mana metod itu digunakan, prosedurnya dan sumber data yang digunakan.

## I. Metod Historis

Metod Historis bererti "Suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian"<sup>4</sup> Ianya adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah.

Penggunaan Metod Historis dalam penulisan kertas projek ini penulis lakukan dalam usaha untuk mendapatkan data tentang:

1. Latarbelakang masalah dalam bab I
2. Kedudukan masjid di zaman awal Islam dalam bab II
3. Sejarah awal dan proses pembinaan Masjid Rusila dalam bab IV

Untuk mendapatkan data yang berifat Historis ini, penulis telah menggunakan dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah tersebut dan melakukan temubual dengan individu-individu yang terlibat dengan masalah yang diselidiki.

## II. Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi bererti cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan dan studi terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti. Dokumen bererti "benda tertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan"<sup>5</sup> Dokumen itu termasuklah kumpulan hukum-hukum.

<sup>4</sup> Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987, hal. 111.

<sup>5</sup> Imam Bamadib, Op. Cit., hal. 55.

peraturan-peraturan, keputusan-keputusan pengadilan, gambar-gambar potret-potret dan sebagainya.<sup>6</sup>

Adapun dokumen-dokumen yang digunakan sebahagiannya adalah diambil dari sumber pertama, manakala yang lain adalah diambil dari sumber kedua. Dokumen-dokumen itu ialah

- i. Al-Quranul Karim dan Sunnah Rasulullah (s a w)  
(digolongkan sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber tertulis dan terjamin keasliannya)
- ii. Bahan-bahan bertulis yang tidak diterbitkan seperti Tesis dan sebagainya.
- iii. (Rang Undang-undang) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu, 1986.
- iv. Buku-buku, suratkhabar-suratkhabar, majalah-majalah dan lain-lain bahan bertulis yang berkaitan.

### iii. Metod Interview

Metod Interview memberi erti cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan dan pendirian secara lisan dari seorang responden, dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang itu.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hal. 56.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hal. 16.

Temubual yang dilakukan bertujuan untuk memperoleh data bagi penentuan subjek yang menjadi sampel pengkajian dan penulisan dan menganalisa data dalam bab IV

Metod ini amat penting dalam kajian ini kerana ia dapat membantu penulis dalam membuat observasi mengenai perkara yang berkaitan dengan Masjid Rusila ini. Mereka yang telah ditemubual oleh penulis ialah:

1. Pegawai Pentadbiran Masjid-masjid Negeri Terengganu
2. Pengerusi Masjid Rusila
3. Ahli Jawatankuasa Masjid Rusila
4. Imam Masjid Kijing dan Marang
5. Penduduk Kampung Rusila
6. Jemaah dan pengunjung Masjid Rusila

Tujuan diadakan temubual adalah untuk mendapatkan data tentang:

1. Sejarah awal Kampung Rusila
2. Sejarah awal dan proses pembinaan Masjid Rusila
3. Hubungan Masjid Rusila dengan Majlis Agama Islam Negeri Terengganu
4. Kegiatan-kegiatan Masjid Rusila
5. Sambutan dan pandangan masyarakat terhadap Masjid

Metod Interview atau Temubual adalah penting dalam kajian ini untuk mendapatkan keterangan, pendirian, data-data dan individu-individu tertentu.

Melalui temubual yang telah penulis jalankan banyak permasalahan yang dapat penulis simpulkan untuk dikemukakan dalam bab IV dan V sebagai cadangan dan saranan dari penulis.

#### IV. Metod Observasi

Penggunaan Metod Observasi juga amat penting dalam kajian ini di samping metod Historia, Dokumentasi dan Interview. Metod Observasi bererti "cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian".<sup>8</sup>

Dalam pengkajian kertas projek ini, penulis menggunakan metod Observasi adalah bertujuan untuk menjadikan cara pengumpulan data itu saling melengkapi di antara metod-metod yang digunakan. Pengamatan dibuat terhadap masjid yang menjadi objek pengkajian. Pengamatan itu kadang-kadang dilakukan dalam waktu yang sama dengan masa temubual dan kadang-kadang penulis melakukannya dalam waktu yang berasingan.

Di samping itu, pengalaman penulis sendiri sebagai salah seorang pengunjung masjid yang mengikuti kegiatan-kegiatan yang dijalankan terutamanya kuliah pagi Jumaat dan sebagainya, juga merupakan pengalaman penting yang dapat dijadikan aspek-aspek observasi sebagai metod pengkajian kertas projek ini.

<sup>8</sup> Ibid., hal. 137.

Metod observasi dalam pengkajian ini merupakan metod penting dalam penyusunan dan penulisan bahagian bahagian tertentu kertas projek ini. Bahagian-bahagian itu adalah

1. Penentuan masjid yang dijadikan objek pengkajian dalam bab I dan IV
2. Sambutan masyarakat terhadap kegiatan dan peranan yang dimainkan oleh Masjid Rusila

#### Metod Kaji Selidik

Soal selidik ialah "suatu daftar yang berisikan suatu rangkaian mengenai pertanyaan tentang sesuatu hal atau dalam sesuatu bidang"<sup>9</sup> Dalam menyiapkan kertas projek ini, penulis telah menggunakan metod soal selidik yaitu dengan menyediakan borang-borang soal selidik kepada masyarakat setempat dan juga masyarakat luar yang mengunjungi masjid itu.

Metod ini membantu penulis dalam mendapatkan data dan maklumat untuk penulis membuat penulisan di atas sambutan dan pandangan masyarakat terhadap Masjid Rusila.

Penggunaan metod ini, adalah di dalam bab IV, di mana penulis telah meneliti setiap borang yang diisi untuk dianalisa. Seterusnya membantu penulis untuk melihat sejauhmana kejayaan yang telah dicapai oleh Masjid Rusila.

<sup>9</sup> Koenjaraningrat, *Op. Cit.* hal. 215.

### C. **Metod Analisa atau Penulisan Data**

Setelah segala data yang diperlukan sudah terkumpul melalui beberapa metod tertentu, sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini, penulis melakukan pula pengolahan serta penganalisaan terhadap data-data itu. Dalam bab menganalisa data ini, penulis menggunakan metod-metod berikut:

1. **Metod Induktif**
2. **Metod Deduktif**
3. **Metod Komparatif**

#### 1. **Metod Induktif**

Metod Induktif bererti suatu cara menganalisa data melalui "pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang berifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang berifat umum"<sup>10</sup>

Ianya juga boleh dikatakan sebagai menganalisa sesuatu yang berifat khusus untuk membuat kesimpulan yang berifat umum.

Dalam kertas projek ini, metod Induktif digunakan dalam bab II (Landasan Teori). Sebagai contoh, dalam penulisan tentang kegiatan Masjid Rasulullah, penulis telah menceritakan dari setiap aspek seperti aspek ibadat, pendidikan, politik dan sebagainya walaupun cuma secara ringkas. Selepas itu, di bahagian akhirnya penulis membuat beberapa kesimpulan.

<sup>10</sup> Imam Barnadib, Op. Cit., hal. 52.



Metod ini juga digunakan dalam membuat penganalisaan pada bab IV (Laporan Penyelidikan). Hal ini dapat dilihat dalam huratan huratan yang berkaitan dengan sejarah awal dan proses pembinaan Masjid Kuala. kegiatan-kegiatannya serta sambutan masyarakat terhadap masjid ini. Dari semua data yang telah dianalisa itu, akhirnya penulis membuat kesimpulan pada bahagian penghujungnya.

Dalam bab V, melalui metod Induktif ini, penulis telah membuat beberapa kesimpulan umum. Caranya ialah, sebelum dibuat kesimpulan-kesimpulan umum, terlebih dahulu penulis memaparkan kesimpulan-kesimpulan khusus berdasarkan kepada setiap masalah yang menjadi objek pengkajian dan selepas itu barulah dibuat kesimpulan secara keseluruhannya.

## 2. Metod Deduktif

Di samping penggunaan metod Induktif, penulis juga menggunakan metod deduktif. Metod Deduktif adalah bererti cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada "pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal hal khusus"<sup>11</sup> Penggunaan metod ini, terdapat dalam bab II, iaitu dalam bahagian 'kegiatan masjid di zaman Rasulullah'. Pada mulanya penulis hanya menceritakan secara umum sahaja akan kegiatan tersebut, kemudiannya penulis telah menghuraikan secara membahagikan aspek-aspeknya seperti aspek ibadat, pendidikan, politik dan sebagainya.

<sup>11</sup> Ibid

### 3. Metod Komparatif

Ini berarti cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data dan fakta yang diperoleh dalam masa penelitian dijalankan. Semua pandangan dan pendapat dikumpul dan dibuat perbandingan dengan adil dan saksama, dan seterusnya dibuat kesimpulan berdasarkan bukti dan kenyataan yang benar dan sah.

Metod komparatif ini, penulis gunakan dalam penulisan bab II, mengenai masjid Taqwa dan masjid Dhirar dengan cara membuat perbandingan di antara sifat masjid Taqwa dan masjid Dhirar.

Metod ini juga penulis gunakan di dalam penulisan bab IV. Dari segala data yang diperoleh berhubung dengan kegiatan dan peranan yang dimainkan oleh Masjid Rusila pada masa lampau dan masa kini, penulis membuat perbandingan antara keduanya.

Begitu juga dengan pendapat-pendapat yang diberikan oleh individu-individu tertentu dalam menilai sambutan masyarakat terhadap kegiatan-kegiatan yang dijalankan di Masjid Rusila. Di mana, penulis telah membuat perbandingan di antara pendapat-pendapat itu dan akhirnya penulis membuat kesimpulan hasil dari perbandingan yang dibuat itu.